

B5731
MAHATHIR-PENUNTUT

1981

KUALA LUMPUR, 5 DIS. (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGHANTAR LEBIH RAMAI PENUNTUT KE NEGARA TIMUR SEPerti KOREA SELATAN DAN JEPUN MULAI TAHUN DEPAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KEPUTUSAN ITU DIBUAT MEMANDANGKAN NILAI HIDUP MEREKA LEBIH SECUCUK DENGAN "APA YANG DIKEHENDAKI OLEH KITA" SEPERTI LEBIH BERDISIPLIN DAN MENGHURMATI IBU BAPA DAN ORANG TUA.

BELIAU BERKATA CADANGAN KERAJAAN ITU TELAH DILULUSKAN OLEH MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG BERSIDANG DI SINI HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA PENGHANTARAN PENUNTUT ITU AKAN DAPAT MEMPERSEIMBANGKAN JUMLAH PENUNTUT MALAYSIA DI NEGARA-NEGARA BARAT DAN TIMUR.

"KERAJAAN DAPATI KADANGKALA TERDAPAT KEJUTAN KEBUDAYAAN BAGI PENUNTUT KITA YANG PERGI KE NEGARA BARAT DAN MELIHAT NILAI HIDUP YANG SUKAR BAGI KITA TERIMA," TAMBAH BELIAU. -- BERSAMBUNG

1543/LK

B5741
MAHATHIR-PENUNTUT 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA MAJLIS TELAH MENDENGAR LAPORAN MENGENAI KERJA-KERJA YANG DIJALANKAN BAGI PEMBINAAN BANGUNAN KOMPLEKS UMNO OLEH Pengerusi Jawatankuasa Bangunan, Tengku Razaleigh Hamzah.

KATANYA, MAJLIS BERSETUJU PROJEK HOTEL YANG AKAN DIADAKAN DI KOMPLEKS TERSEBUT AKAN DIRUNDINGKAN DENGAN SEBUAH SYARIKAT DARI JEPUN - TOKYU GROUP COMPANY - YANG MEMPUNYAI PERKHIDMATAN PENGURUSAN.

BELIAU TELAH MENYERAHKAN KEPADA JAWATANKUASA BANGUNAN UNTUK MENGURUSKAN PEMBINAAN PROJEK ITU, TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA

1546/LK